

Headline	Program Bakti Siswa Universiti Malaysia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1774 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,620
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 19,860



# Program Bakti Siswa Universiti Malaysia di Kampung Tanjung Bundong

CEK... Dato Sri Hj Mohd Ali Mahmud (kanan) menyampaikan cek daripada Pejabat Ketua Menteri berjumlah RM 5,000 kepada Khairil Hafizi dan Aida Rahman.

SARFALI

**MENYEDARI** hanya melalui pendidikan boleh mengubah nasib masyarakat, pelajar Universiti Malaysia (UM) mengadakan program Bakti Siswa Secholian (BSS) di Kampung Tanjung Bundong, Kota Samarahan baru-baru ini.

Seramai 22 pelajar tahun satu hingga tiga daripada pelbagai disiplin pengajian termasuk jurusan perubatan UM menyertai program selama empat hari mulai 3 hingga 6 April itu.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program itu untuk memberi kesedaran kepada penduduk kampung khususnya generasi muda betapa pentingnya mereka berusaha mendapatkan pendidikan setinggi mungkin untuk mengubah nasib diri, keluarga dan masyarakat.

Antara aktiviti yang diadakan

adalah gotong-royong membersihkan masjid dan dewan, sesi bersama kanak-kanak Tabika Kemas dan ibu bapa, mengajar kanak-kanak mengaja, mengira dan motivasi rajin membaca.

Pelajar UM yang menyertai program itu turut mengadakan sesi motivasi pelajaran untuk bersedia menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi pelbagai tingkatan satu dan dua.

Pelajar yang mengikuti sesi itu terdiri daripada 30 pelajar dari Sekolah Seri Kuching dan 30 murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Samarahan.

Bagi menayakan aktiviti itu pelajar UM turut mendapat bantuan daripada Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan, Tabung Baitulmal Negeri Sarawak dan Jabatan Pelajaran Daerah Samarahan.

Penasihat Projek Aida Rahman berkata, pihak UM meminati Kampung Tanjung Bundong untuk melaksanakan program itu kerana Penghulu serta penduduknya sangat proaktif dan berminat dengan proposal modul latihan yang disediakan.

Lagipun, menurutnya, sebelum ini kampung itu hanya menerima kunjungan daripada pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak (UTMS).

"Kampung ini (Tanjung Bundong) belum pernah menjalankan kerjasama dengan universiti luar dari Sarawak dalam perkara yang berkaitan pendidikan, dari situ kami tergerak untuk mengadakan program Bakti Siswa di kampung ini," katanya.

Katanya, Kampung Tanjung Bundong juga berada di tengah-tengah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti UNIMAS, UITMS dan Institut Latihan Perguruan (IPG).  
"Jadi kita hendak pastikan penduduk kampung tidak menyalakan peluang supaya anak-anak mereka berjaya melangkah kaki ke menara gading," ujarnya.

Ada berkata, perkara utama yang ditekankan kepada anak-anak ialah supaya jangan sekali-kali berhenti sekolah.

"Pada masa ini kerajaan menyediakan banyak bantuan kewangan menerusi Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Negeri, Petronas dan pihak bank," jelasnya.

Berucap di majlis penutupan program itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muara Tuang Dato Sri Haji Mohd Ali Mahmud berkata, program Bakti Siswa anjuran UM boleh membentuk ge-nerasi muda sebagai pewaris kepimpinan negara yang prihatin kepada aktiviti kemasyarakatan.

Katanya, menerusi program seumpama ini pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang keluarga didedahkan dengan budaya dan cara hidup penduduk setempat.

Menurutnya, ia secara tidak langsung membolehkan perkongsian budaya dan cara-cara hidup penduduk dikongsi bersama apabila pelajar baik ke tempat asal masing-masing.

"Kita mengh...

usaha yang dilakukan oleh pihak UM yang memilih Kampung Tanjung Bundong sebagai platform untuk mendedahkan pelajar dengan aktiviti berkaitan kemasyarakatan," katanya.

Katanya, melalui aktiviti yang diadakan boleh melahirkan aset negara berdaya saing dan mampu berbakat kepada negara pada masa hadapan.

"Kita yakin program seumpama ini berupaya menjana idea bernas, pembaharuan dan komitmen jitu daripada semua pihak," ujarnya.

Katanya, program itu juga dapat menayakan usaha murni dalam memajukan dan melahirkan generasi yang tinggi nilai murni serta bercita-



cita tinggi.  
"Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak juga dapat merealisasikan hasrat pihak Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi untuk melaksanakan proses pemodenan insan dan kerohanian di daerah ini agar dapat dilaksanakan dengan lebih lancar," jelasnya.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan cek berjumlah RM 5,000 daripada Pejabat Ketua Menteri kepada Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah UM dan meng-umumkan peruntukkan RM10,000 untuk dewan kampung berkenaan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tanjung Bundong.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pegawai Kemas Sama-



BAKTI SISWA... Dato Sri Haji Mohd Ali Mahmud (tengah), Khairil Hafizi, Abdul Raya, Syahran Sukri, Haji Bahari Man bersama penduduk merakamkan gambar bersama pelajar di Majlis Penutupan Bakti Siswa Secholian (BSS) Universiti Malaysia di kawasan masyarakat Kampung Tanjung Bundong, Kota Samarahan.